Casa del Rio
M E L A K A

**PR VALUE:**

# NEWS CLIPPING - PRESS

| | | | |
|---|---|---|---|
| CLIENT | : CASA DEL RIO | SECTION | : ENGLISH EDITION |
| PUBLICATION | : MELAKA HARI INI | PAGE NO | : 1-3 |
| DATE | : 18-6-2012 | FREQUENCY | : DAILY |
| CIRCULATION | : | | |
| HEADLINE | : DRAGON BOAT COMPETITION | | |



Pertandingan Perahu Naga Antarabangsa Melaka 2012

## PENYERTAAN TERBESAR

>>> Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa Melaka 2012 sempena Pesta Sungai Melaka 2012 di Dataran Sungai Melaka mendapat penyertaan terbesar apabila 55 pasukan termasuk dari dalam dan luar negara menyertainya *Lapor Azhar Yusof* >>Muka 2 & 3

**Casa del Rio**
M E L A K A

**PR VALUE:**

Pertandingan Perahu Naga Antarabangsa Melaka 2012

# PENYERTAAN TERBESAR

Oleh AZHAR YUSOF

**BANDA HILIR:** Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa Melaka 2012 sempena Pesta Sungai Melaka 2012 di Dataran Sungai Melaka mendapat penyertaan terbesar apabila 55 pasukan termasuk dari dalam dan luar negara menyertainya.

Antara pasukan luar negara yang menyertai pertandingan yang telah diadakan sejak 28 tahun lalu itu adalah pasukan Singapura dan Indonesia selain tiga pasukan dari Putrajaya, empat pasukan dari Pulau Pinang, dan dua pasukan dari Johor.

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu terbuka, tertutup dan piala korporat sumbangan Hotel Casa Del Rio.

Hadiah bagi Kategori Terbuka RM2,000 (pertama), RM1,000 (kedua), RM600 (ketiga) dan keempat RM400 beserta piala pusingan dan sijil manakala Kategori Tertutup, hadiah tempat pertama RM1,000, kedua RM500, ketiga RM300 dan keempat RM200 beserta piala pusingan dan sijil.

Bagi Kategori Piala Korporat, pemenang tempat pertama RM300, kedua RM200 dan ketiga RM100, penganjur turut menyediakan hadiah pemenang keseluruhan bernilai RM400. >> Lihat Muka 2



Mohd Ali melaungkan slogan '1Malaysia' kepada peserta pertandingan



BERENTAP... Antara pasukan yang mengambil bahagian pada pertandingan yang diadakan

Casa del Rio
M E L A K A

PR VALUE:



SANTAI... Mohd Ali melambai tangan kepada pengunjung yang hadir menyaksikan pertandingan



GIMIK PERASMIAN... Mohd Ali melontarkan kuih 'chang' ke dalam Sungai Melaka semasa merasmikan pertandingan berkenaan

>>Dari Muka 2

Majlis perasmian telah disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam. Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Sungai dan Pantai (PPSP), Datuk Baharom Majid; Pengarah Besar Kementerian Pelancongan Malaysia Melaka, Datuk Lim Chow Beng; Pengerusi Persatuan Perahu Naga Melaka, Wong Soo Tang serta barisan jawatankuasanya.

Berucap merasmikan pertandingan berkenaan, Mohd Ali berharap lebih banyak lagi pasukan luar negara akan diundang pada masa akan datang kerana mulai tahun 2013, Pesta Sungai Melaka akan dikenali sebagai Pesta Sungai Antarabangsa Melaka.

Pesta Sungai Melaka 2012 berlangsung selama sebulan mulai 1 hingga 30 Jun ini menyediakan 114 acara dan acara ini menjadi acara tetap pada setiap kali Pesta Sungai Melaka diadakan sejak tahun 2005.



Soo Tang menyampaikan cenderahati kepada Mohd Ali



Pasukan Putrajaya bergambar kenangan bersama Mohd Ali



Pasukan MMU menghantar penyertaan teramai pada pertandingan tersebut



CERIA...Pasukan Batang Tiga turut bergambar bersama Mohd Ali